

Teacher Information About Handling Writing Teaching Classification of Special Educational Educationals with Learning

Ab. Halim A. Hamid^a, Mohd Hanafi Mohd Yasin^b

^{ab}Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

E-mail: -

Abstract: The study aims to identify the teacher's knowledge about teaching handwriting and the techniques to improve the handwriting for special education preschool classroom. The research design for this study is a case study using qualitative method involving a teacher who is teaching in learning disabilities for special education preschool classroom. The findings show the participant is readiness in teaching special education preschool classroom. The Content knowledge as well as the teaching and learning activities to improve handwriting demonstrates the participant's confidence in teaching. Finally, this study would like to propose fine motor as an intervention in the remedial activities for pupils with difficulties in handwriting.

Keywords: handwriting, preschool learning disabilities, writing

PENDAHULUAN

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri yang seimbang supaya mereka menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan negara (Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2003). Maka itu, Program Pendidikan Prasekolah Pendidikan Khas telah diwujudkan pada tahun 2003 dan diperluaskan ke Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran pada tahun 2005. Pada peringkat awal umur persekolahan, tulisan tangan adalah satu kemahiran peringkat asas yang perlu dikuasai oleh murid secara berperingkat-peringkat sebelum diajar penulisan yang spesifik (Suppiah 2015). Maka itu, tulisan tangan yang cantik, kemas dan boleh dibaca serta difahami makna komunikasinya adalah satu keperluan yang tidak boleh dielakkan.

Murid perlu menguasai kemahiran tulisan tangan kerana ia akan memberi impak di dalam menguasai kemahiran penulisan (Bara & Morin 2013). Oleh itu, Pengajaran tulisan tangan pada peringkat prasekolah ini diterapkan melalui subjek Bahasa Malaysia di dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Bagi mengajar kemahiran tulisan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini, guru mesti mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar dengan menggunakan teknik pengajaran yang berkesan.

Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan murid berkeperluan khas mempunyai pelbagai masalah dari segi penguasaan kemahiran asas. Menurut Feder & Majnemer (2007) masalah tulisan tangan memberi impak pencapaian akademik murid pada peringkat awal persekolahan termasuklah hilang keyakinan, keupayaan akademik dan bidang kerjaya. Pendapat sama turut dilontarkan oleh (Marr, Windsor & Cermak 2003) bahawa kanak-kanak yang mempunyai tulisan yang sukar dibaca pada tahap prasekolah, berterusan mempunyai tulisan yang serupa di sekolah rendah sehingga menimbulkan masalah peningkatan akademik. Oleh yang demikian, kekurangan dan kelemahan yang ada pada murid perlu ditangani dan diberi perhatian oleh guru. Ia tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menyediakan pengajaran yang kurang mencabar kepada murid dan meletakkan mereka pada

tahap yang rendah (Jamila, Hanafi & Rosadah 2012). Maka itu, guru mesti mengetahui dan menguasai teknik pengajaran agar murid mudah memahami apa yang hendak disampaikan (Mok Soon Sang 2010).

Pelaksanaan pengajaran menulis yangersistem dan berkesan memberiimpak kepada penguasaan kemahiran menulis (Yahya 2005). Namun demikian, masih ramai guru yang mengamalkan gaya pembelajaransehalai iaitu cakap dan tulis serta kurang memberi fokus mengembangkan kemahiran motor halus dan kesediaan menulis (Kamisah Buang 2013). Selain itu, guru juga kurang pengetahuan tentang cara dan strategi untuk membantu murid yang mempunyai masalah kemahiran motor halus (Jackman & Stagniti 2007). Justeru itu, guru perlu mempunyai pengetahuan isikandungan untuk mengajar kemahiran tulisan tangan dan penggunaan teknik pengajaran bagi membantu murid memahami sesuatu mata pelajaran yang akan diajar.

Bagi mengajar murid prasekolah bermasalah pembelajaran, guru perlu tahu kelemahan yang dihadapi oleh murid ini dalam menguasai kemahiran tulisan. Menurut MohdZuri Ghani (2014) murid prasekolah bermasalah pembelajaran menghadapi masalah motor halus, tulisan tidak kemas dan sukar memegang pensel dengan betul. Namun begitu, masalah tulisan tangan tidak boleh dibaca sering kali dianggap sebagai suatu kemahiran yang kurang penting (Hammerschmidt, S., & Sussawad, P. 2004). Sementara itu, hasil kajian Sariza Said (2012) menunjukkan teknik pengajaran tulisan tangan yang digunakan dan masalah tulisan tangan yang ditemui guru prasekolah berada pada tahap sederhana. Kenyataan ini disokong dengan kajian oleh Lim, Hanafi & Mokhtar (2012) menyatakan guru-guru didapati kurang mengajar murid cara yang betul untuk memegang alat tulis. Justeru itu, guru perlulah menghayati dan mengaplikasi pengetahuan yang dipelajari bagi membantu mengatasi masalah pengajaran tulisan tangan khususnya murid prasekolah masalah pembelajaran.

Tujuan kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- a. Mengenalpasti pengetahuan guru tentang pengajaran tulisan tangan murid prasekolah bermasalah pembelajaran.
- b. Mengenalpasti teknik pengajaran bagi meningkatkan tulisan tangan murid prasekolah bermasalah pembelajaran

Tinjauan Literatur

Sebahagian daripada pengalaman sekolah setiap murid-murid adalah menulis. Sebelum menyampaikan pengajaran yang terbaik untuk murid-murid dengan dan tanpa masalah tulisan, guru perlu memahami faktor-faktor asas mendasari kemahiran tulisan. Kemahiran tulisan tangan ialah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap murid pada peringkat pra tulisan (Aliza Ali 2010). Oleh yang demikian, untuk mengajar, guru mesti mengetahui apa yang hendak diajar dan bagaimana hendak mengajar serta menyesuaikan pengajaran mengikut latar belakang dan kebolehan pelajarnya (Shulman 1987). Hasil kajian Adilah & Nordin (2013) mendapati murid yang mempunyai masalah di dalam kemahiran menulis walaupun mereka sudah pandai membaca, tidak dapat menulis dengan kemas dan betul. Tindakan pemulihan pada peringkat awal dapat membantu murid terutamanya dalam teknik latihan menulis. Teknik penulisan yang betul terhadap huruf-huruf, koordinasi mata dan tangan yang sesuai serta ingatan jangka pendek murid boleh membantu murid secara tidak langsung (Yusof & Walter Alvin 2010).

Selain itu, Dunn (2013) menerangkan, menulis ialah satu proses integrasi motor visual di mana dari mata maklumat akan ke otak, tangan dan ke jari secara fizikal mencetak apa yang dilihat pada kertas dalam bentuk tulisan. Ini bermakna koordinasi mata dan jari amat penting untuk mendapatkan hasil tulisan tangan yang cantik dan mudah dibaca kerana tulisan yang buruk dan sukar dibaca boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap murid serta menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran guru (Yusof & Walter Alvin 2010). Kelemahan ini menyebabkan mereka bermasalah dalam tulisan tangan iaitu sukar memegang pensel. Menurut Diane (2008) terdapat 5% hingga 10% kanak-kanak dalam populasi sekolah menghadapi masalah koordinasi motor khususnya motor kasar dan motor halus seperti dalam tulisan tangan. Kelemahan ini menyebabkan mereka bermasalah dalam tulisan tangan iaitu sukar memegang pensel, tulisan tidak kemas dan sukar membentuk huruf dengan betul (MohdZuri Ghani 2014).

Penguasaan kemahiran tulisan tangan sangat ditekankan sejak peringkat awal kanak-kanak lagi. Bagi menggalakkan murid menulis, pengajaran guru perlu sokongan alat penyesuaian menulis. Mengikut (Gerde, 2015), kanak-kanak tanpa mengenal pasti keupayaan menulis mendapat manfaat daripada menggunakan pelbagai alat sokongan menulis. Bahan-bahan ini boleh termasuk kertas sentuhan, pensel segi tiga berbentuk, pensel wajaran atau papan kekunci (Schneck & Amundson 2009). Selain itu, aktiviti menguatkan motor halus seperti acuan doh atau tanah liat, manipulasi kayu kecil, menulis huruf dalam pasir, gel atau buih turut menyumbang mengatasi masalah penulisan kanak-kanak (Schneck & Amundson 2009). Melalui aktiviti ber-

main dengan doh, kesukaran membentuk huruf di kalangan murid dapat di atasi (Kamaruddin 2010). Melalui aktiviti dan teknik yang dirancang oleh guru dengan menjadikannya satu kerangka pengajaran dan pembelajaran kreatif dan inovatif dapat memberikan impak positif dan bermakna. Faktor sikap guru yang positif, berketerampilan, berkeupayaan dan kreatif serta iklim bilik darjah yang kondusif dapat membentuk suasana pengajaran yang merangsang minat murid untuk belajar (Abdul Rasid, 2011).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan satu kes sebagai subjek kajian. Pemilihan satu subjek kajian adalah kerana data yang diperolehi sudah mencapai tahap tepu dan ia telah menjawab persoalan kajian yang dikehendaki. Subjek dalam kajian ini adalah seorang guru yang mengajar di Program Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Instrumen yang digunakan adalah protokol temubual. Menurut Chua (2006) penyelidikan kualitatif tidak tertakluk kepada membuktikan hipotesis dan teori pada awal kajian tetapi penyelidikan berkembang semasa kajian dijalankan. Subjek kajian kes merupakan individu tunggal atau sekumpulan individu tertentu dan bukan merupakan subjek sampel kajian yang dipilih secara rawak dari sesuatu populasi. Kajian kes ini akan menerokas secara mendalam pengetahuan guru tentang pengajaran tulisan tangan dan teknik pengajaran yang digunakan

DAPATAN KAJIAN

Latar belakang subjek

Subjek kajian ini adalah seorang guru perempuan yang berpengalaman mengajar kelas prasekolah pendidikan khas Bermasalah Pembelajaran selama 3 tahun dan telah mendapat Ijazah Sarjana Muda dari sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam bidang pendidikan Awal kanak-kanak. Responden kajian ini juga mempunyai Diploma Pendidikan Khas Prasekolah daripada Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Pengetahuan guru tentang pengajaran tulisan tangan

Hasil daripada temu bual, subjek mempunyai pengetahuan isi kandungan pengajaran tulisan tangan yang diajar melalui mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengetahuan isi kandungan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kandungan subjek Bahasa Melayu dalam Dokumen Standard Kurikulum Program Pendidikan Khas Prasekolah Masalah pembelajaran. Subjek dapat menjelaskan isi kandungan kemahiran menulis meliputi pra tulisan, tulisan tangan dan kemahiran menulis. Menurut subjek, pra tulisan adalah kemahiran awal yang perlu dikuasai oleh murid iaitu dari segi kemahiran motor halus. Manakala tulisan tangan adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid pada peringkat pra tulisan. melibatkan kebolehan murid untuk memegang pensel, melakar dan membentuk huruf.

Kemahiran tulisan tangan yang diajar oleh subjek dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia ini diperuntukkan pada setiap 10 minit sesi pengajaran dan ia dilaksanakan secara tidak langsung semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran ini bukan sahaja tertumpu pada mata pelajaran Bahasa Malaysia sahaja tetapi meliputi mata pelajaran lain seperti Matematik, Agama Islam dan Bahasa Inggeris.

Untuk murid prasekolah, subjek menyatakan fokus tertumpu kepada pra tulisan iaitu menyurih semula huruf, menyalin semula huruf, menconteng dan menyambung titik-titik. Subjek juga menyatakan melalui aktiviti pra tulisan, murid seharusnya boleh menguasai kemahiran tulisan tangan. Selain itu juga, kemahiran menulis pula subjek adalah kebolehan murid menulis, menyalin, dan mengeja huruf. Di samping itu juga, subjek turut menjawab persoalan berkaitan tentang dan menurutnya adalah mengenai kesediaan motor halus kanak-kanak seawal umur 3 hingga 4 tahun dan murid-murid yang bermasalah dalam koordinasi mata tangan dan pegangan pensel akan diberikan pemulihan atau intervensi.

- Mengikut subjek,

Hasil tulisan tangan adalah murid boleh menulis, melakar, menyambung titik sesuai dengan umur prasekolah. Apa yang difahami tentang tulisan tangan adalah aktiviti penulisan yang sesuai dengan umur prasekolah iaitu menyurih semula huruf, menyalin semula huruf, menyambung semula titik dan sukutannya lebih kepada pra tulis sehinggalah kepada membentuk huruf. Kemahiran menulis pula satu tahap di mana murid boleh menulis, menyalin, dan mengeja semua huruf. Bila menulis dan menyambung huruf dia telah boleh menulis huruf a-z dan nombor 1-10. Tulisan tangan ni lebih kepada menconteng, melakar dan menyambung titik.

Intervensi awal apa yang saya faham lebih kepada kesediaan motor halus kanak-kanak seawal umur 3-4 tahun. Intervensi saya lakukan bila lihat masalah pegangan pensel dan kedudukan badan murid bila menulis. Murid sentiasa perlu diberitahu selalu apabila dibetulkan masih perlu diberitahu sepanjang

masa. Kedudukan semasa menulis perlu dipastikan mereka duduk dengan postur badan yang betul tetapi dalam melakukan aktiviti ada yang tersenget dan bergerak kerusinya.

Pengetahuan isi kandungan yang dinyatakan oleh subjek jelas menunjukkan subjek berkeyakinan dan bermotivasi untuk mengajar kemahiran tulisan tangan untuk murid prasekolah bermasalah pembelajaran. Subjek juga berinisiatif meningkatkan kemahiran menulis murid dan bersedia berhadapan cabaran untuk mengetahui isi kandungan mata pelajaran yang diajar. Pengetahuan isi kandungan mata pelajaran yang diajar akan menjadikan suasana pengajaran berlangsung secara berkesan di dalam kelas kerana ia adalah sumber utama kepada tugas guru (AbdullSukorShaari 2008). Selain itu, guru mesti tahu mengubahsuai isi kandungan mata pelajaran kepada bentuk yang boleh difahami oleh murid menggunakan teknik sesuai dan berkesan mengikut ketidakupayaan mereka. Dalam konteks kajian ini, subjek telah menggunakan teknik intervensi setelah mengesan ketidakupayaan murid dalam tulisan tangan. Murid yang dikesan bermasalah menguasai kemahiran motor halus telah diberikan intervensi bagi membolehkan mereka tidak ketinggalan dalam menguasai kemahiran menulis.

Bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan dan memberi impak kepada penguasaan kemahiran menulis murid, guru bukan sahaja perlu menguasai isi kandungan sukatan pelajaran tetapi perlu juga menyampaikan pengetahuan pedagogi pengajaran tersebut dengan jelas dan mudah difahami (AbdullSukorShaari 2008). Dalam konteks kajian ini, guru peka dan prihatin terhadap kebolehan dan kekurangan murid bermasalah pembelajaran dalam tulisan tangan dan tindakan susulan dalam mengatasi kelemahan murid khususnya dalam kemahiran motor halus. Namun demikian, pengetahuan pedagogi kandungan pengajaran perlu dimantapkan agar pengajaran tulisan tangan untuk murid prasekolah bermasalah pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan lagi.

Teknik pengajaran yang dijalankan dalam meningkatkan tulisan tangan murid

Jadual 1. Aktiviti pengajaran meningkatkan tulisan tangan murid

Aktiviti	
Latih tubi membentuk huruf	urutan jari
Bermain doh	Mewarnai
Contengan	Aktiviti menggunting

Hasil dapatan kajian mendapati, teknik pengajaran yang dijalankan oleh subjek adalah melalui kepelbagaian aktiviti pengajaran bagi membolehkan murid berminat dan seronok belajar. Menurut MohdZuri (2014), teknik pengajaran yang pelbagai boleh menarik minat perhatian murid untuk belajar sesuai dengan ketidakupayaan yang dimilikinya. Aktiviti yang dijalankan tersebut dapat membantu murid meningkatkan kemahiran menulis kerana aktiviti yang dilakukan menerapkan elemen belajar, latihan dan permainan. Seperti tertera pada jadual di atas, aktiviti tersebut dijalankan mengikut perancangan pengajaran yang dilaksanakan oleh subjek bersesuaian dengan objektif pengajaran yang ingin dicapai pada mata pelajaran tersebut. Aktiviti pengajaran ini dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan melibatkan semua murid dengan dibantu oleh seorang Pembantu Pengurusan Murid.

Aktiviti pengajaran melibatkan kemahiran motor halus ini sesuai digunakan kepada murid prasekolah bermasalah pembelajaran bagi meningkatkan kemampuan koordinasi mata tangan untuk menulis. Menurut Mahfuzah 2014, kemahiran menulis adalah salah satu komponen utama dalam kemahiran motor halus. Dalam aktiviti latih tubi membentuk huruf, guru terlebih dahulu menggunakan teknik tunjuk cara bagi membentuk huruf yang betul. Guru menunjukkan strok-strok membentuk huruf yang betul dan membimbing murid meniru. Latihan latih-tubi bimbingan diperlukan sehingga murid dapat menulisnya sendiri (Sariza Said 2013). Manakala, NoorAini Ahmad (2015) berpendapat aktiviti membentuk doh dapat meningkatkan keupayaan murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran mengenal huruf. Selain itu, aktiviti bermain

doh ini boleh meningkatkan pergerakan motor khususnya motor halus terutama pada lengan dan tangan (Suppiah 2015)

Melalui aktiviti contengan, murid-murid bebas menconteng pada permukaan bahan yang disediakan seperti di atas kertas dan pasir. Setelah melakukan aktiviti contengan secara bebas, murid-murid perlu melakukan aktiviti contengan secara terkawal bagi melatih pergerakan jari dan tangan seperti mengoyak dan menggunting. Subjek turut melakukan aktiviti urutan jari bagi meningkatkan kemahiran motor halus dan koordinasi mata tangan murid-muridnya. Aktiviti ini merupakan salah satu cara yang digunakan untuk membantu murid melembutkan tangan dan jari-jemari dan akhirnya murid dapat menulis dengan pegangan pensel yang betul dan selesa (K.A.Razhiyah 2013). Begitu jugadalam aktivitimewarnai dapat mengukuhkan kemahiran koordinasi mata dan tangan murid. Aktiviti mewarnai ini memerlukan murid memegang pensel dengan kawalan pergerakan mata supaya proses mewarnai menepati aspek yang dikehendaki. Demikian juga dengan aktiviti menggunting, di mana sasarannya adalah untuk meningkatkan tahap kemahiran motor halus murid melalui pemeringkatan aktiviti. Pemeringkatan aktiviti ini adalah dari peringkat mudah ke sukar. Oleh yang demikian, melalui aktiviti seperti ini murid melihat, mendengar, mempraktikkan, mengguna pengetahuan sedia ada dan merasai pengalaman baru dalam kepelbagaian aktiviti di bilik darjah yang dilakukan oleh guru. Apa yang pasti teknik pengajaran dengan menggunakan aktiviti kemahiran motor halus ini dapat meningkatkan kawalan motor halus murid dan seterusnya membolehkan mereka menguasai kemahiran menulis.

Selain itu, guru menunjukkan pengetahuan dalam membantu murid membentuk kualiti tulisan tangan melalui penggunaan alat bantuan genggam pensel iaitu qalamiy. Ini jelas seperti mana yang dinyatakan oleh subjek:

Saya ada guna sejenis alat iaitu qalamiy. Alat ini sesuai dan memberi kesan dan perubahan pada hasil tulisan murid.

Penggunaan alat sokongan qalamiy dapat memperbaiki kualiti tulisan tangan kerana aktiviti menulis memerlukan kemahiran menggenggam pensel yang betul. Lim, Mohd Hanafi dan Mohd Mokhtar (2012) dalam dapatan kajiannya mendapati penggunaan alat bantuan teknologi rendah boleh membantu meningkatkan kebolehan menggenggam pensel melalui intervensi secara biomekanikal. Oleh itu, guru perlu bersedia memberikan latihan secara berulang-ulang dengan bimbingan berterusan agar genggam pensel matang dan stabil boleh dikuasai oleh murid. Aktiviti dalam meningkatkan kemahiran motor disusuli dengan latihan genggam pensel seterusnya akan menghasilkan murid yang boleh menulis dengan tulisan yang kemas dan mudah dibaca

CADANGAN

Melalui dapatan kajian ini, pengetahuan isi kandungan guru dalam mengajar kemahiran tulisan tangan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu perlu dikuasai bagi menghasilkan pemahaman kepada murid khususnya murid prasekolah bermasalah pembelajaran. Pengetahuan isi kandungan guru juga perlu seiring dengan teknik pengajaran yang digunakan agar ianya sesuai dengan latar belakang keupayaan murid dalam penguasaan sesuatu kemahiran. Ketidakupayaan murid dalam menguasai kemahiran tulisan tangan perlu diatasi melalui teknik intervensi bagi mengelakkan defisit berterusan dalam penguasaan kemahiran menulis. Penggunaan alat sokongan menulis seperti Qalamiyjuga perlu digalakkan penggunaannya bagi membantu murid menggenggam pensel dengan matang dan stabil.

KESIMPULAN

Pengajaran tulisan tangan memerlukan pengetahuan isi kandungan guru dalam mengajar kemahiran tersebut. Melalui pengetahuan isi kandungan ini membolehkan guru mengetahui secara spesifik tentang perkara yang perlu diketahui dan dikuasai oleh murid sepanjang tempoh persekolahan pada peringkat prasekolah bermasalah pembelajaran. Pada peringkat ini, jelas penguasaan aktiviti pra tulisan dan kemahiran tulisan tangan memainkan peranan penting untuk membolehkan murid menguasai kemahiran menulis. Pengajaran yang menarik minat murid seharusnya disertai dengan teknik pengajaran yang sesuai bagi memperkembangkan lagi pengetahuan penulisannya. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pengetahuan, perancangan yang tepat dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan sedia ada murid serta alat bantuan sokongan pengajaran dan pembelajaran perlu diambil perhatian oleh guru.

RUJUKAN

- AbdullSukorShaari. 2008. Guru berkesan Petua dan Panduan. Sintok: Penerbit UUM.
 Abdul RasidJamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1 (1): 1- 12

- Adilah Binti Daud & Nordin Bin Shaari. 2013. Memperbaiki kekemasan penulisan huruf murid tahun 4 menggunakan "buku ajaib mari menulis (bamm)". Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KDRI.
- Aliza Ali. 2010. Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Bermain Bagi Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bara, F., & Morin, M. 2013. Does The Handwriting Style Learned In First Grade Determine The Style Used In The Fourth And Fifth And Fifth Grades and Influence Handwriting Speed And Quality? A Comparison Between French and Quebec Children. *Psychology In The Schools* 50(6): 601-617.
- Case-Smith, J. 2002. Effectiveness of school-based occupational therapy intervention on handwriting. *American Journal of Occupational Therapy*, 56: 17-25
- Chua, Y.P. 2006. Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill
- Cohen, L., & Uhry, J. "Naming block structures: A multimodal approach" dlm. *Early Childhood Education Journal*, 39, hlm. 79-87. DOI10.1007/s10643-010-0425-x, 2011.
- Diane Montgomery. 2008. Cohort analysis of writing in year 7 following two, seven years of the National Literacy Strategy. *Journal Compilation. Support For Learning*. Volume 23. Number 1.
- Dokumen Standard Kurikulum Program Pendidikan Khas Prasekolah. (2009). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Feder, K. P., & Majnemer, A. 2007. Handwriting development, competency, and intervention. *Developmental Medicine and Child Neurology* 49(4): 312-7.
- Gerde, H. K., 2014. Beyond the Pencil: Expanding the Occupational Therapist' Role in Helping Young Children to Develop Writing Skills," *The Open Journal of Occupational Therapy*: Vol.2:Iss. 1, Article 5.
- Kamarudin Abu Hassan. 2010. Meningkatkan kemahiran mengenal huruf di kalangan murid prasekolah melalui pendekatan belajar sambil bermain. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KPMM.
- Lincoln, Y.S. & Guba, E.G. 1985. *Naturalistic Inquiry*, Newbury Park, California: Sage Publication.
- Lim Chen Yin, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. 2012. Genggaman pensel kanak-kanak bermasalah pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran menulis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLej)* 2(1): 65-77
- Marr, D., Windsor, M., & Cermak, S. 2001. Handwriting readiness: Locatives and Visuomotor skills in the kindergarten years. *Early Childhood Research and Practice*, 3 (1), 1-17.
- Merriam, S.B. (1998). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-bass.
- Dunn, M. 2013. Comparing two story-writing mnemonic strategies: a randomized control trial study. *International Journal of special education*. Washington State University.
- Morrison, F.J., Bachman, H.J. & Connor, C. M. 2005. *Improving literacy in America: Guidelines from research*, New Haven, CT: Yale University Press.
- MohdZuri Ghani, AznanChe Ahmad & Zainuddin Mohd Isa. 2013. *Masalah Pembelajaran*. Tanjong Malim. UPSI.
- MohdZuriGhani, 2014. *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Tanjong Malim. UPSI.
- Noor Aini & Nurliyana Abd Latif, 2015. Belajar Kemahiran Mengenal Huruf Menggunakan Aktiviti Membentuk Doh, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 71-80
- Sariza Said. 2012. *Pengajaran Tulisan Tangan Daripada Perspektif Guru-guru Prasekolah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- SuppiahNachiappan, 2014. *Panduan Pendidikan Awal kanak-kanak*. Tanjong Malim. UPSI.
- Schneck, C. M., & Amundson, S. J. 2009. Prewriting and Handwriting Skills. In J. CaseSmith & J. C. O'Brien (Eds), *Occupational Therapy for Children* (6th ed.) (pp. 555-580). Maryland Heights, MO: Mosby Elsevier.
- Shulman, L. 1986. Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher* 15(2): 4-14.
- Yusop, B. H. M, & Walter Alvin, J 2010. Disgrafia dan Cara membantu: Kajian Kes ke atas Murid Program Integrasi Pendidikan Khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, (4): 1-22